

Baca petikan dan
jawab soalan berikut!

Farahani Mendayung Sampan

Farahani sedang mendayung sampan. Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti ketika Farahani mengikuti perkhemahan pengakap pada minggu lepas. Aktiviti ini merupakan proses untuk membina keyakinan diri setiap ahli.

Farahani merupakan antara ahli perempuan yang paling berani dan cekap. Fasilitator yang mengendalikan aktiviti ini memberi pujian dan penghargaan kepada Farahani.

Farahani berasa sangat gembira kerana berjaya menyelesaikan aktiviti tersebut. Dia juga berasa bangga kerana dapat menunjukkan keberanian dan kebolehannya. Pengalaman itu menjadi kenangan yang menarik bagi Farahani.



Jom baca
dengan teliti
dan jawab
soalan dengan
betul!

Soalan Kefahaman - Pilihan Jawapan

1. Siapakah yang sedang mendayung sampan?

- (A) Farahani
- (B) Fasilitator
- (C) Cikgu



2. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Farahani?

- (A) Berenang
- (B) Mendayung sampan
- (C) Memancing ikan



3. Bilakah mereka mengikuti perkhemahan pengakap?

- (A) Minggu lepas
- (B) Minggu depan
- (C) Semalam



4. Apakah tujuan aktiviti tersebut?

- (A) Untuk berseronok
- (B) Untuk membina keyakinan diri
- (C) Untuk mencari ikan



5. Siapakah antara ahli perempuan yang paling berani dan cekap?

- (A) Farahani
- (B) Fasilitator
- (C) Ketua pengakap



6. Siapakah yang memberikan pujian kepada Farahani?

- (A) Ibunya
- (B) Kawannya
- (C) Fasilitator



7. Bagaimanakah perasaan Farahani selepas berjaya melakukan aktiviti tersebut?

- (A) Sedih
- (B) Gembira
- (C) Takut



8. Apakah yang menjadi kenangan menarik bagi Farahani?

- (A) Pengalaman mengikuti aktiviti tersebut
- (B) Bermain di rumah
- (C) Membeli makanan



Usahakan yang terbaik! Kamu pasti boleh!